

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Take pride in local inventions, consumers told	The Star
2.	Produk MARDI ke Asia Barat	KOSMO
3.	Ketum berpotensi sebagai penahan sakit dan rawatan dadah	BERNAMA
4.	Amaran angin kencang, laut bergelora bermula Sabtu sehingga Rabu ini	BERNAMA
5.	MBOT penuhi keperluan mendepani revolusi perindustrian 4.0	Berita Harian
6.	DNA tests done for murder-arson case	The Star

Take pride in local inventions, consumers told



Madius (second from left) holding a 'Rero Robot' during the launch of 2017 Malaysia Commercialisation Year products at the Kuala Lumpur Convention Centre. Looking on is Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (left). — Bernama

MALAYSIAN consumers need to have more faith in local inventions and technologies, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

He said the common misconception was that Malaysian inventions were of lesser quality compared to European and Japanese innovations or products.

Madius said this was not the case as local inventions must adhere to

certain standards and that local recognition and support were important especially for young inventors before they progress to promoting their products in the global market.

"How can they move internationally if we ourselves do not trust the competency of our countrymen?"

"We should instead recognise and take pride in our innovations," he said at a National Transformation 2050 dialogue session entitled

"Inspiring Future Innovators" here on Wednesday.

In attendance were participants of the two-day Global Entrepreneurship Community Summit 2017.

Madius also stressed that the future of the country's economy depended on the science and technology sectors against the backdrop of many countries having shifted from resource-based industries.

— Bernama



Produk MARDI ke Asia Barat



KUALA LUMPUR – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyasarkan untuk menembusi pasaran Asia Barat pada pertengahan tahun depan dengan unjuran jualan bernilai RM10 juta, khusus bagi rangkaian empat produk kesihatan berasaskan kunyit hitam terbaharu yang dilancarkan.

Empat produk tersebut dijenamakan sebagai Black G Nutrима by MARDI yang terdiri daripada Black G Health Therapy, Black G Energy Booster, Black G Coffee Premix dan kapsul Black G Pure Extract.

Ketua Pengarah MARDI, Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor berkata, produk tersebut merupakan hasil penyelidikan dan kerjasama antara pihaknya dengan syarikat Black G Sdn. Bhd. (Black G).

“Pada tahun depan, produk ini bakal menembusi pasaran Asia Barat dengan menjadikan Dubai sebagai pintu masuk ke pasaran lain di rantau tersebut.

“Melihat kepada potensi penerimaan bagi produk makanan tambahan di pasaran tersebut terutamanya produk halal dari Malaysia, kami yakin dapat mewujudkan kehadiran yang kukuh di Asia Barat pada tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran Black G Nutrима by MARDI di sini baru-baru ini.

Ia disempurnakan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** bersempena sidang kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017.

Sementara itu, ditanya mengenai pasaran domestik, Mohamad Roff menjelaskan, pada masa ini Black G Nutrima by MARDI telah mencatatkan jualan memberangsangkan bernilai RM250,000 meskipun baru dilancarkan pada awal bulan lepas.

"Kami menyasarkan untuk mencapai jualan mencecah sehingga RM3 juta pada tahun depan untuk pasaran domestik yang dipacu oleh pengedaran produk secara agresif dan pemasaran di farmasi tempatan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Black G, Mohamad Jusoh berkata, pihaknya telah menerima tempahan untuk mengeksport keempat-empat produk tersebut ke China pada suku pertama tahun depan.

"Tempahan sebanyak dua kontena itu adalah bernilai RM5.2 juta dan ini menunjukkan produk Black G Nutrima by MARDI diterima baik oleh pasaran meskipun baru sahaja dilancarkan," ujarnya.

Sasar jualan RM10 juta daripada empat produk kesihatan berasaskan kunyit hitam



Ketum Berpotensi Sebagai Penahan Sakit Dan Rawatan Dadah - USM

GEORGE TOWN, 14 Dis (Bernama) -- Ketum dilihat mempunyai potensi untuk penghasilan ubat baharu sebagai penahan sakit dan rawatan penagihan dadah, menurut Profesor Pusat Pengajian Sains Farmasi Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr Sharif Mahsufi Mansor.

Beliau berkata ketum berpotensi bagi menggantikan methadone yang digunakan dalam mengubati masalah ketagihan dadah terutamanya selepas penagih itu berhenti mengambil dadah.

Bagaimanapun, katanya kajian berhubung potensi itu masih dijalankan dan tiada lagi kajian klinikal yang berjaya membuktikan perkara itu.

"Kajian masih dijalankan, belum selesai lagi. Tapi kita ada potensi, kena buat kajian lagi. Kita belum buat kajian klinikal terhadap manusia dan hanya dilakukan pada haiwan.

"Kita memerlukan data-data dalam haiwan itu untuk dapat kelulusan terhadap etika manusia. Sekarang tidak boleh lagi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan umum pelantikan profesor bertajuk 'Ketum: Sejarah Penggunaan dan Penemuan Terkini' di sini hari ini.

Sharif Mahsufi telah menjalankan kajian mengenai potensi ketum itu sejak 2007 sehingga kini dan dibiayai oleh geran program Universiti Penyelidikan (RM860,000), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)/Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (RM700,000) dan program Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICOE) (RM5.4 juta).

Beliau berkata walaupun ketum atau nama saintifiknya 'Mitragnya speciosa' digunakan sekian lama sejak tahun 1845, namun tiada data saintifik yang membuktikan ia adalah selamat.

Namun, katanya kajian yang berterusan dan penemuan data-data baharu pada masa depan boleh membuktikan potensi ketum sebagai ubat penahan sakit dan rawatan penagihan dadah.

Dalam pada itu, Sharif Mahsufi berkata pihaknya bercadang untuk bekerjasama dengan Risdan bagi mengenalpasti baka pokok ketum terbaik untuk menjalankan penyelidikan seterusnya.

"Kita tidak ada baka pokok ketum yang terbaik. Kami sedang mencari 'musang king' ketum. The best pokok ketum untuk kita buat kajian.

"Pihak Risda ada mengamalkan amalan pertanian baik (GAP). Jadi, mungkin mereka boleh kenal pasti baka ketum yang terbaik," katanya.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Bermula Sabtu Sehingga Rabu Ini



KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (km/j) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka melanda perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, barat laut Palawan, timur laut Tioman, utara Bunguran dan barat laut Reef South pada Sabtu ini sehingga Rabu, 20 Dis.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Sementara itu, amaran angin kencang Timur Laut berkelajuan 40 hingga 50 km/j dengan ketinggian ombak mencecah sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan tenggara Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, tenggara Reef North, Labuan dan tenggara Palawan pada Sabtu hingga Rabu depan.

Situasi sama turut dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat) dan Labuan pada tempoh sama yang turut membahayakan bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang dijangka bermula pada Ahad sehingga Selasa, 19 Dis.

Dalam pada itu, ribut petir di perairan Sulu, dan Sandakan, Sabah dijangka berterusan sehingga malam ini.

Menurut kenyataan tersebut keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



MBOT penuhi keperluan mendepani Revolusi Perindustrian 4.0

PUTRAJAYA: Langkah kerajaan mewujudkan **Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)** bukan sahaja bagi mengiktiraf profesion teknologi dan juruteknik, malah sebahagian usaha dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata golongan teknologis dan juruteknik yang lahir daripada sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam memacu masa hadapan pembangunan negara.

"Kini kita melihat teknologis dan juruteknik tidak lagi dianggap jurutera kelas kedua, malah diberi pengiktirafan di bawah Akta MBOT (Akta Teknologis dan Juruteknik 2015) itu sendiri dan kita melihat MBOT berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan badan profesional lain.

"Kita memerlukan pakar teknologi dan juruteknik yang mencukupi kerana TVET ini adalah bidang yang akan membangunkan negara dengan lebih pesat berbanding bidang akademik biasa," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis penutup Sidang Kemuncak Akreditasi Teknologi dan Teknikal MBOT di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden MBOT, Tan Sri Dr Ahmad Zaidee Laidin.

Terdahulu dalam ucapannya, Idris memuji langkah MBOT dalam membangunkan Panel Pakar Teknologi (TEP) bagi setiap bidang teknologi yang diiktiraf oleh badan profesional itu.

"Komposisi TEP yang unik dan dinamik daripada agensi kerajaan, industri dan golongan akademik dilihat mampu memberi kelebihan kepada setiap profesion teknologi dan teknikal yang berkaitan.

"Malah MBOT adalah badan profesional yang fleksibel dan dinamik dalam mendepani keperluan akademik dan industri mutakhir ini," katanya.

Pada majlis berkenaan, Idris turut menyampaikan sijil swa-akreditasi daripada MBOT kepada 17 institusi pengajian tinggi di negara ini bagi menerima keistimewaan untuk meneruskan penilaian pengiktirafan program akademik dalam bidang teknologi yang diiktiraf MBOT.

Beliau turut menyerahkan sijil akreditasi pertama yang dikeluarkan Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM).

DNA tests done for murder-arson case

Victim's remains require identification

BANTING: The remains of suspected murder-arson victims Chia Tee Nang and Lim Mai Shak will only be released to their family after the results of DNA tests are received.

The bodies of Chia, 73, and Lim, 68, were burnt beyond recognition and the tests are needed to confirm their identities.

Their remains and those of their two grandsons are currently being kept at Banting district hospital, where post-mortems were conducted on all four of them.

Chia, Lim and their grandsons – Chia Yuan Bin, three, and Ryan Chia Zeng Xi, 10 – were allegedly murdered and set on fire at their home in Tanjung Sepat near here in the early hours of Wednesday.

A 12-year-old grandson, who managed to hide from the attackers, escaped unhurt.

According to hospital spokesman Shahul Hameed Abdullah, DNA samples will be collected and sent to the **Chemistry Department**.

"The remains will be released to relatives only after the department's report is ready, and this could take between two and three weeks," Shahul Hameed told reporters at the hospital's forensic department.

DNA samples were also extracted from the deceased couple's two sons, who were at the hospital with their wives and other relatives,

The remains will be released to relatives only after the report is ready, and this could take two to three weeks.

Shahul Hameed Abdullah

for matching purposes.

The two men and their wives, who are all deaf mutes, stood vigil at the hospital accompanied by two cousins while the post-mortems were being conducted.

The two brothers each lost a son in the tragedy.

Relatives, still in shock over what happened, declined to speak to reporters.

One of them asked for some private time for their family to grieve and to come to terms with their loss.

When contacted, Selangor police Criminal Investigation Department chief SAC Fadzil Ahmad said police had not made any arrest yet.



Heavy hearts: Relatives of Chia and Lim looking disappointed after they were told that their remains could only be collected after the DNA tests were completed.